

TAEKWONDO

Thai juara

keseluruhan

DE 14/10/2012 12
GL Oh

KOTA KINABALU: Thailand muncul juara keseluruhan di Kejohanan Taekwondo Universiti Asia ke-3, yang berakhir di Dewan Canselor UMS pada Sabtu.

Pasukan tersebut menguasai pertandingan dengan jumlah tujuh pingat emas, dua perak dan satu gangsa sekaligus meraih gelaran keseluruhan dalam pertandingan sembilan pasukan.

Mereka juga menang kutipan pingat acara lelaki dengan empat emas serta pingat wanita dengan tiga emas, satu perak dan satu gangsa.

Naib juara keseluruhan dimenangi Kazakhstan dengan tiga emas, satu perak dan dua gangsa manakala Vietnam di tempat ketiga dengan tiga emas, satu perak dan satu gangsa.

Tuan rumah Malaysia berada di tempat keenam



KASIM (tengah dengan seragam) bergambar bersama pemenang dan pegawai-pegawai lain selepas majlis penutupan.

tetapi mendapat saguhati setelah memenangi pingat paling banyak dengan tujuh perak dan tujuh gangsa.

Timbalan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Kasim Md Mansur memuji pesaing atas usaha mereka dalam mempromosikan kesukanan dalam ucapan penutupan.

“Kesukanan adalah sangat penting dan bukan hanya sekadar menang atau

kalah. Kepuasan dalam bersaing ialah apabila anda menyadari bahawa anda telah cuba yang terbaik.”

Beliau juga berharap persaingan tiga hari itu akan membantu membentuk atlet menjadi sangat berdisiplin dan pada masa yang sama membantu antara satu sama lain untuk memahami setiap budaya lain.

Lebih 100 atlet mengambil bahagian dalam per-

andingan tersebut yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama UMS.

Ini adalah kali pertama negara menjadi tuan rumah acara berkenaan dan negara yang mengambil bahagian ialah China, Kazakhstan, Mongolia, Nepal, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia.